



■ BANGUNAN HIJAU

AMBIL KIRA REKA BENTUK EKONOMI, UTILITI

Teknologi baru sentiasa dibangunkan untuk lengkapi amalan semasa dalam wujudkan struktur lebih hijau

Hartini Mohd Nawi
hartini@hmetro.com.my

Bangunan hijau merujuk kepada pembinaan hijau dan bangunan mampan dengan struktur serta proses diketengahabkan bertanggungjawab terhadap alam sekitar selain sumber yang cekap sepanjang kitaran hayat bangunan berkenaan.

Malah turut membabitkan perancangan kepada reka bentuk, pembinaan, operasi, penyelenggaraan dan pengubahsuaian.

Amalan bangunan hijau juga perluri mengambil kira dan peka dengan reka bentuk bangunan yang ekonomi, utiliti, tahan serta selesa.

Menurut pensyarah Jabatan Senibina, Fakulti



BANGUNAN Sarawak Energy Berhad diktiraf GBI dengan penarafan perak.



DIALOG Tower diktiraf GBI dengan penarafan perak.



1 First Avenue diktiraf GBI dengan penarafan emas.



IDEA seni bina bangunan hijau Masjid Raja Haji Fi Sabillillah Cyberjaya.



REKA bentuk unik Masjid Raja Haji Fi Sabillillah Cyberjaya melayakkannya menerima pengiktirafan GBI.

seperti lampu LED. "Selain itu, tenaga solar 'photovoltaic cell atau PV' juga antara tenaga yang boleh diperbaharui.

Bagaimanapun, teknologi baru sentiasa dibangunkan untuk melengkapkan amalan semasa dalam wujudkan struktur lebih hijau.

"Ini kerana objektif umum bangunan hijau adalah untuk mengurangkan kesan keseluruhan pembangunan ke atas kesihatan manusia dan persekitaran semula jadi menerusi kecekapan dalam penggunaan tenaga, air dan sumur lain.

"Sebaliknya melindungi kesihatan penghuni dan meningkatkan produktiviti pekerja, mengurangkan sisu, pencemaran dan kemusnahan alam sekitar.

"Konsep yang sama laju pembinaan bangunan semula jadi dengan reka bentuk mampan dan seni bina hijau.

"Cenderung memberi tumpuan kepada penggunaan bahan semula jadi yang tersedia di dalam negara," katanya yang juga pakar teknologi 'configured building system' (CBS) iaitu salah satu kosep pembinaan global menjelang 2020.

Ia juga

menarik perhatian

negara

kepada komuniti hijau

menerusi

menjelang

2030.

"Bangunan hijau ditakrifkan sebagai memaksimumkan penggunaan tenaga pasif (semula jadi) dan mengurangkan tenaga aktif.

"Tenaga aktif seperti

lampa

dan pendidin

hawa

umpamanya

boleh

dikurangkan

kadar

menerusi

penggunaan

tenaga efisien

atau

pen-

gesa-

nian.

"GBI adalah satu inisiatif untuk memberi penarafan kepada bangunan sama

ada komersial, perumahan, perbandaran atau perkhidmatan berdasarkan penilaian tertentu.

"Jika di luar negara seperti Amerika Syarikat, pengiktirafan bangunan hijau dikeluarkan Peneraju dalam Tenaga dan Reka Bentuk Alam Sekitar (LEED) dan Kaedah Penilaian Penyelidikan Pengkuhan Bangunan Alam Sekitar (BREEAM) di United Kingdom serta Malaysia pula ada GBI," kata Dr Mohd Zairul yang turut yang mendapat pengiktirafan syarikat swasta berpangkalan di Finland bagi model 'flexZhouse.'

Di samping itu, GBI ditubuhkan di bawah Pertubuhan Akitik Malaysia (PAM) dan Persatuan Juruterma Perunding Malaysia (ACEM)

pada 2009 menerusi kerjasama tenaga pakar terdiri daripada kumpulan sukarelawan profesional arsitek, juruterma, ahli akademik dan pihak berkepentingan yang mematuhi undang-undang kecil bangunan negara.

Penarafan GBI memabitkan platinum, emas, perak dan pengesahan. Secara keseluruhannya, penilaian yang melayakkkan sebuah bangunan itu diiktiraf sebagai GBI apabila memenuhi kriteria ditetapkan.

Merangkumi Tenaga Efisien (EE), Kualiti Persekitaran Dalam (EQ), Pengurusan dan Perancangan Tapak yang Mampan (SM), Bahan & Sumber (MR), Air Efisien (WE) dan Inovasi (IN).



V Bangunan hijau ditakrifkan sebagai memaksimumkan penggunaan tenaga pasif (semula jadi) dan mengurangkan tenaga aktif

DR MOHD ZAIRUL



MENARA PJH PUTRAJAYA diktiraf GBI dengan penarafan emas.